

26/05/2002

Hayati akhlak Rasulullah: Seri Paduka

Jamhariah Jaafar; Nadzim Jamaluddin

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra mahu umat Islam tidak mengabaikan pembangunan rohani bagi memastikan gejala ketandusan jiwa yang melanda masyarakat negara maju tidak sampai merebak kepada mereka.

"Sekiranya pembangunan rohani diabaikan maka jiwa manusia akan kosong, hidupnya tanpa arah tujuan dan pegangan serta fikirannya boleh dipengaruhi pelbagai fahaman yang merosakkan.

"Mereka terdorong untuk melakukan perkara jahat dan tidak bermoral sehingga menimbulkan pelbagai gejala sosial dalam masyarakat," titah Seri Paduka ketika merasmikan sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan di Stadium Putra, Bukit Jalil, dekat sini, semalam.

Turut hadir ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

Seri Paduka bertitah, Nabi Muhammad amat mementingkan pembentukan akhlak mulia dan mempamerkan contoh terbaik sebagai seorang yang cintakan kedamaian, kesatuan umat dan kerukunan hidup berkeluarga.

"Rasulullah adalah seorang yang sangat penyayang, sangat pemaaf, serta sangat menjaga tutur katanya. Kata-kata baginda semuanya baik, penuh dengan hikmat dan kebijaksanaan. Sebaliknya, tidak terkeluar dari mulut baginda kata-kata keji, hina dan tidak bermoral.

"Oleh itu wajiblah kita sebagai umatnya menghayati nilai akhlak mulia baginda dan menjauhi perkara yang buruk dan keji. Moga-moga umat Islam sentiasa teguh, bermaruah dan dipandang mulia," titah baginda.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah, pembangunan rohani adalah faktor amat penting untuk membersihkan dan menjauhkan jiwa serta fikiran manusia daripada segala penyakit dalaman yang selalu membawa manusia kepada kejahatan dan kemusnahan hidup.

"Penyakit seperti sombong, riak, takbur, hasad dengki, takut, malas dan lupa diri akan menimbulkan masalah bukan saja kepada mereka yang menghidapnya, tetapi juga akan memberi kesan kepada kemajuan hidup bermasyarakat dan pembangunan negara," titahnya.

Seri Paduka bertitah, Islam tidak pernah mengajar umatnya supaya berpuas hati dengan apa yang ada, sebaliknya sentiasa berusaha untuk kemajuan hidup dan menguasai pelbagai bidang ilmu serta kecekapan.

Bagaimanapun, Islam tidak juga mahu pembangunan dan kemajuan itu hanya berasas kepada keuntungan material semata-mata sehingga menimbulkan kerosakan dan keburukan kepada manusia dan alam.

(END)